

**Tarikh Dibaca: 20 MAC 2020M / 25 RAJAB 1441H**



**جَابَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ**  
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“ISRAK DAN MIKRAJ MENGUATKAN  
KEIMANAN”***

**\*\*\***

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## **"ISRAK DAN MIKRAJ MENGUATKAN KEIMANAN"**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.<sup>2</sup>

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah bersama-sama kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Muadh-mudahan kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Khutbah pada hari ini adalah bertajuk **"ISRAK DAN MIKRAJ MENGUATKAN KEIMANAN"**.

<sup>1</sup> Al-Israk : 1.

<sup>2</sup> Ali-Imran : 102.



## Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Israk dan Mikraj adalah antara peristiwa penting di dalam Islam. Ia adalah mukjizat dan kurniaan besar dari Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW setelah baginda SAW menghadapi tentangan pemimpin-pemimpin Quraish dan kehilangan isteri serta bapa saudaranya yang membantu bahkan melindungi baginda SAW dalam melakukan kerja-kerja dakwah.

Dengan sebab mukjizat inilah, Allah SWT hendak menjadikan rasul-Nya sebagai insan yang mulia. Dengan Israk dan Mikraj juga Allah hendak menggantikan yang lebih baik lagi dari apa yang Nabi SAW alami dan para malaikat pun memberi penghormatan kepada baginda SAW setelah berjuang dengan susah payah menghadapi rintangan dan akhirnya Nabi SAW mendapat kekuatan baru untuk terus berdakwah menyebarkan Islam.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' pada ayat pertama yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:

*"Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."*

Inilah dalil al-Quran yang menjadi pegangan dan keimanan umat Islam terhadap peristiwa Israk dan Mikraj. Apabila al-Quran menceritakan suatu peristiwa, maka tidak ada pilihan lain bagi umat Islam melainkan mengimaninya kerana ia datangnya dari Allah SWT.

Allah memulai dengan perkataan "سبحان" memberikan pengertian Maha Suci Allah dari sama dengan makhluk sehingga Israk dan Mikraj



adalah peristiwa yang benar-benar ajaib dan luar biasa di luar jangkauan akal dan kemampuan manusia. Selepas itu, Allah menyebutkan "الَّذِي أُسْرِيَ" yang bermaksud "yang telah mengisrakkan atau memperjalankan" memberikan pengertian bahawa Nabi SAW diisrakkan oleh Allah bukan Israk Nabi SAW dengan sendirinya sebab Nabi SAW adalah sebagai hamba Allah yang dalam kekuasaan Allah.

Peristiwa Israk dan Mikraj ini ada disebut dalam beberapa hadis-hadis sahih bersumberkan dari Anas bin Malik sebagaimana diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim yang menjelaskan perjalanan peristiwa Israk dan Mikraj tersebut.

Pada suatu malam, malaikat Jibril turun dan membawa Nabi SAW ke Baitullah. Malaikat Jibril telah membedah dada Rasulullah SAW kemudian dibersihkannya dengan air zamzam lalu dituangkan hikmat dan iman. Kemudian Nabi SAW menunggang Al-Buraq menuju Baitul Maqdis dan di sana Baginda SAW mengerjakan solat 2 rakaat.

Selesai solat, Jibril menghidangkan satu bekas yang berisi arak dan satu bekas berisi susu. Lalu Nabi SAW memilih susu sebagai simbolik kepada Islam, agama fitrah. Aqidah, syariah dan akhlak dalam Islam adalah sesuai dengan kehendak dan ciptaan manusia. Apa sahaja ajaran dalam Islam tidak bercanggah dengan sifat-sifat semulajadi manusia.

### **Hadirin sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Dalam masa yang sama, peristiwa ini telah diambil peluang oleh kafir Quraish untuk wujudkan keraguan supaya orang-orang yang beriman tidak mempercayai apa yang diceritakan oleh nabi SAW. Sebenarnya, apa yang disaksikan oleh baginda SAW dengan pelbagai peristiwa itu adalah sesuatu yang tidak boleh diterima oleh logik akal. Oleh kerana itu, Saidina Abu Bakar



al-Siddiq Radhiallahu Anhu ketika ditanya tentang pendiriannya berkaitan peristiwa Israk dan Mikraj, maka dengan tenang beliau menjawab:

لَئِنْ كَانَ قَالَ فَقَدْ صَدَقَ، إِنِّي لِأُصَدِّقُهُ فِيمَا هُوَ أَبْعَدُ  
مِنْ ذَلِكَ

*"Jika baginda SAW yang berkata maka ungkapannya adalah benar. Sememangnya aku akan tetap mempercayai lebih dari itu".*

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Peristiwa agung ini mengandungi iktibar dan keinsafan kepada umat Islam untuk meningkatkan iman serta mengambil beberapa pengajaran yang menggambarkan kebesaran Allah SWT.

Allah memperjalankan Nabi SAW hanya mengambil masa dalam satu malam sahaja dari Masjidil Haram, Baitul Maqdis, Sidratul Muntaha dan balik semula ke Masjidil Haram. Sedangkan perjalanan dari Masjidil Haram ke Baitul Maqdis sahaja mengambil masa 40 hari.

Pelbagai peristiwa dizahirkan bagi menggambarkan tentang amalan-amalan yang dilakukan oleh manusia di dunia yang akan diperhitungkan di akhirat kelak. Setiap amal kebaikan akan diberikan ganjaran yang berlipat ganda sementara amal keburukan yang dilakukan akan dibalas dengan azab yang setimpal.

Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabrani dan al-Bazzar, Nabi Muhammad SAW telah melalui penempatan beberapa kaum yang hidup mereka penuh dengan kemaksiatan. Antaranya mereka malas mendirikan solat, enggan membayar zakat, bergelumang dengan wang riba, suka mengumpat, menyebarkan fitnah, berzina, bersikap sombong dan mengkhianati



janji. Ini menggambarkan betapa besarnya azab siksa yang akan menimpa umat manusia sekiranya melakukan maksiat dan derhaka kepada Allah.

Nabi SAW juga dibawa melihat ke suatu lembah yang nyaman dan dingin, anginnya membawa bau wangi harum semerbak bagai kasturi, serta kedengaran suara yang riang gembira. Inilah suara syurga yang merayu memohon agar Allah membalas apa-apa yang dijanjikan, walaupun mereka sedang menikmati berbagai-bagai nikmat syurga, namun syurga masih memohon lagi nikmat yang lebih besar sebagai ganjaran kepada yang beriman dan beramal soleh. Demikian balasan yang amat besar kepada umat Nabi Muhammad SAW yang taat perintah-Nya.

Selepas itu Jibril AS membawa Nabi ke suatu tempat, kedengaran suara bising dan udaranya berbau busuk. Jibril AS menyatakan, itu adalah suara neraka Jahannam yang menyeru agar ditambah lagi azab yang dijanjikan walaupun telah bertimbun padanya rantai, belunggu, api menjulang, air panas mendidih, tetapi neraka Jahannam masih memohon lagi azab dan seksa kepada mereka yang mensyirikkan Allah dan melakukan maksiat.

Dalam perjalanan mikraj, Nabi Muhammad SAW membuat kunjungan hormat kepada Nabi Adam AS dan rasul-rasul yang lain sehingga langit ke tujuh. Menurut Tafsir al-Maraghiy, sesungguhnya pada peristiwa ini terdapat suatu pengertian bahawa semua Rasul walaupun berlainan keturunan, zaman, bahasa dan budaya, namun mereka hormat-menghormati antara satu sama lain. Perbuatan ini patut diambil iktibar semua manusia agar sentiasa menjalin persaudaraan, berkasih sayang, saling menghormati dan jauhi daripada perkara yang boleh menimbulkan perpecahan sesama sendiri.



## Hadirin yang dikasihi Allah sekalian ,

Kemuncak daripada peristiwa Israk dan Mikraj, Allah SWT memfardhukan ibadat solat fardhu sebanyak 5 waktu sehari semalam. Solat merupakan perhubungan kita dengan Allah SWT. Dengan sebab itu sewajarnya solat dilakukan dengan sempurna kerana solat adalah sebaik-baik pencegahan. Firman Allah SWT dalam surah Al-Ankabut, ayat 45:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

*"Sesungguhnya solat itu dapat mencegah perkara keji dan mungkar".*

Sesungguhnya solat adalah ibadat utama yang diibaratkan seperti tiang dalam sesebuah bangunan. Hadis daripada Umar Bin al-Khattab Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ فَمَنْ أَقَامَهَا فَقَدْ أَقَامَ الدِّينَ وَمَنْ  
تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ

*"Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikanannya bermakna ia mendirikan agama, sebaliknya bagi mereka yang meninggalkannya seolah-olah meruntuhkan agama."*

*(Riwayat al-Baihaqi).*

## Muslimin hadirin Jumaat sekalian ,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita menghayati pengajaran Israk dan Mikraj Rasulullah SAW supaya dapat dijadikan panduan hidup kita. Antaranya:



1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Israk dan Mikraj adalah benar dan bukti kekuasaan Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa menghayati peristiwa Israk dan Mikraj dapat meningkatkan keimanan dan kesejahteraan hidup.
3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa penderhakaan kepada Allah akan mengundang kemurkaan-Nya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِالنَّاسِ وَمَا جَعَلْنَا الرُّءْيَا الَّتِي أَرَيْنَاكَ  
إِلَّا فِتْنَةً لِلنَّاسِ وَالشَّجَرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي الْقُرْآنِ وَنُحُوفُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ  
إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا ﴿٦٠﴾

*“Dan (ingatlah) ketika Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (pada malam Mikraj) yang telah kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia dan (demikian juga Kami jadikan) pokok yang dilaknat di dalam Al-Quran dan Kami beri mereka takut (dengan berbagai-bagai amaran) maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau.”*

*(al-Israk : 60).*





بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا  
قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ  
عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ،



تَعَاوَى أَمِيرُ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ  
وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Ajaran Millah Abraham. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19 dan lain-lain.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللّٰهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ، بِسْمِ اللّٰهِ  
الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْاَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. اَللّٰهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّبَا وَالزِّنَا  
وَالْمِحْنَ وَسُوْءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا  
خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَةً يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ. اَللّٰهُمَّ



أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَنْتَ الْغَنِيُّ وَنَحْنُ الْفُقَرَاءُ، نَعُوذُ  
بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ  
وَجَمِيعِ سَخَطِكَ.

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يَعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*